

D963

U B423 BAH  
MAHATHIR - BANDAR

PULAU PINANG, 19 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, KERAJAAN BARISAN NASIONAL SENTIASA MEMBERIKAN PERHATIAN SAKSAMA KEPADA SEMUA LAPISAN RAKYAT TANPA MENGIRA DI BANDAR ATAUPUN LUAR BANDAR.

PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN TIDAK MENGETEPIKAN PENDUDUK DI BANDAR MAHUPUN DI LUAR BANDAR, MALAHAN SENTIASA MEMIKIRKAN RANCANGAN UNTUK KEPENTINGAN SEMUA RAKYAT.

BANYAK RANCANGAN DILAKSANAKAN DI BANDAR-BANDAR DI SAMPING DI LUAR BANDAR DENGAN PELBAGAI KEMUDAHAN SEHINGGA HAMPIR MENYAMAI KEADAAN DI BANDAR, KATANYA SEMASA MERASMIKAN LALUAN PEJALAN KAKI DI SINI HARI INI.

BELIAU BERKATA, DAHULU PENDUDUK LUAR BANDAR KETINGGALAN JAUH DARIPADA SEGI PEMBANGUNAN SEMASA NEGARA MENCAPAI KEMERDEKAAN, TETAPI KINI DI BAWAH BARISAN NASIONAL BANYAK KEMUDAHAN DILAKSANAKAN.

WALAU SUDAH BANYAK BARISAN NASIONAL LAKSANAKAN UNTUK RAKYAT, BELIAU BERKATA, MASIH BANYAK YANG SEDANG DAN AKAN DIUSAHAKAN AGAR RAKYAT DAPAT HIDUP LEBIH SELESA LAGI. -- LAGI.

1735MST 19 08 90

U B424 BAH  
MAHATHIR - BANDAR 2 PULAU PINANG

SEBAGAI CONTOH, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PEMBINAAN KOMTAR ADALAH SEBAGAI TANDA KERAJAAN BARISAN NASIONAL DI BAWAH PIMPINAN KETUA MENTERI DR LIM CHONG EU MEMIKIRKAN KEMUDAHAN UNTUK RAKYAT DI BANDAR.

BELIAU BERKATA, KOMTAR BUKAN SAHAJA MENEMPATKAN GEDUNG-GEDUNG UTAMA TETAPI JUGA GERAI-GERAI UNTUK PENIAGA KECIL YANG MEMBUKTIKAN BAHAWA KERAJAAN BARISAN NASIONAL PULAU PINANG MEMENTINGKAN SEMUA LAPISAN RAKYAT.

BELIAU JUGA BERKATA, BARISAN NASIONAL YANG DIANGGOTAI OLEH SEMUA KAUM SENTIASA MENGAMBIL KIRA KEPENTINGAN PELBAGAI KAUM DI NEGARA INI. DAN TIDAK BERAT SEBELAH DALAM MEMBUAT KEPUTUSANNYA.

SELARAS DENGAN ITU, BELIAU MENGGESA RAKYAT AGAR SENTIASA MENINGATKAN DIRI BAHAWA TIADA FAEDAH MENYOKONG PIHAK YANG MEMBUAT PELBAGAI JANJI TETAPI KOSONG DAN BOLEH MEROSAKKAN MASA DEPAN RAKYAT DAN NEGARA.

BELIAU BERKATA, ADALAH TIDAK BERFAEDAH BAGI RAKYAT MEMILIH MEREKA YANG TIDAK MUNGKIN DAPAT MEMBENTUK KERAJAAN, YANG SECARA LANGSUNG BERERTI TIDAK DAPAT MENOLONG RAKYAT.

YANG TURUT HADIR IALAH DR LIM CHONG EU, PRESIDEN MCA, DATUK SERI DR LING LIONG SIK, PRESIDEN GERAKAN, DATUK SERI DR LIM KHENG YAIK DAN PRESIDEN MIC, DATUK SERI S SAMY VELLU. -- BERNAMA.

1739MST 19 08 90

D988

U B431 BAH  
MAHATHIR - BANDAR 3 PULAU PINANG (SAMBUNGAN BERITA AWAL)

TERDAHULU DARIPADA ITU KETUA MENTERI, DR LIM CHONG EU BERKATA, KERAJAAN NEGERI AKAN MEMBANGUNKAN SEBUAH PASAR BORONG DI BANDARAYA GEORGETOWN UNTUK MENEMPATKAN SEMULA PEMBORONG BUAH-BUAHAN DAN SAYURAN-SAYURAN.

BELIAU BERKATA, PASAR BORONG ITU AKAN DIBANGUNKAN DI GAT LEBUH MCCALLUM BAGI MENEMPATKAN PEMBORONG-PEMBORONG YANG SELAMA INI BERNIAGA DI JALAN DR LIM CHWEE LEONG, BERHAMPIRAN KOMTAR.

INI DILAKUKAN AGAR PEMBANGUNAN FASA-FASA SETERUSNYA DI KOMTAR DAPAT DIJALANKAN TANPA GANGGUAN, JELASNYA.

DR LIM BERKATA, KERAJAAN NEGERI JUGA AKAN MEMINDAHKAN BERBAGAI-BAGAI JENIS PERUSAHAAN PEMBAIKAN DAN PERKHIDAMATAN MEMBAIKI KERETA MOTOR SERTA INDUSTRI-INDUSTRI RINGAN YANG BERSELERAK DI SEKITAR GEORGETOWN TERUTAMANYA KOMTAR KE SEBUAH KAWASAN DI SUNGAI PINANG.

MENGENAI PEMBANGUNAN KOMTAR, BELIAU BERKATA, PEMBINAAN FASA EMPAT DAN LIMA KOMTAR AKAN DISWASTAKAN DAN KINI RUNDINGAN SEDANG DIBUAT. -- LAGI.

1838MST 19 08 90

D989

U B432 BAH  
MAHATHIR - BANDAR 2 PULAU PINANG

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DIBERI SAMBUTAN MERIAH SEBAIK SAHAJA TIBA DI KOMTAR. BELIAU DIIRINGI OLEH PEMBAWA BUNGA MANGGAR DAN PEMAIN KOMPANG SERTA DIBERIKAN TEPUKAN GEMURUH OLEH RIBUAN ORANG RAMAI YANG MENUNGGU KETIBAAN BELIAU SERTA MELAUNGKAN KATA-KATA SEMANGAT +HIDUP MAHATHIR+ BEBERAPA KALI.

ANGGOTA DAN PENYOKONG PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL TURUT MEMBAWA SEPANDUK DAN BENDERA-BENDERA BN DALAM MAJLIS ITU PETANG INI.

SELEPAS SELESAI MENYAMPAIKAN UCAPAN DI ATAS ANAK-ANAK TANGGA DI TANGGA UTAMA KOMTAR BELIAU TURUN DAN MENARIK TIRAI BAGI MENANDAKAN PERASMIAN KAWASAN PEJALAN KAKI SERTA MENURUNKAN TANDA TANGAN DI ATAS PAPAN TANDA ITU.

YANG TURUT MENANDA-TANGANI PAPAN TANDA ITU IALAH ISTERI BELIAU, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMAD ALI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD KEMUDIAN MENYAKSIKAN PAMERAN MENGENAI KOMTAR YANG DIADAKAN DI ATAS KAWASAN PEJALAN KAKI. -- BERNAMA.

1840MST 19 08 90